

Rujukan : UKM PDF/224/3
Tarikh : 1 Rabiulawal 1439H
20 November 2017

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 12/2017

**DEKAN/PENGARAH/KETUA/PENGETUA
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/JABATAN/KOLEJ KEDIAMAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**


YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**PENGUMPULAN CUTI REHAT KE TAHUN 2018 DAN / ATAU
PENGUMPULAN GANTIAN CUTI REHAT (GCR) KEPADA WANG TUNAI BAGI TAHUN 2017**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas dan sukacita Jabatan ini menarik perhatian YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Datin/Tuan/Puan kepada sumber-sumber kuasa berhubung dengan pengumpulan Cuti Rehat dan Gantian Cuti Rehat (GCR) seperti berikut:

- (i) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2003 berkaitan Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) kepada staf yang memilih Skim Pencen.
- (ii) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2014 berkaitan Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) Kepada Pegawai Yang Memilih KWSP.
- (iii) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2008 merujuk kepada Peningkatan Maksimum Cuti Rehat yang boleh dikumpul untuk pemberian Wang Tunai sebagai GCR kepada 150 hari bermula pada 1 Januari 2009.

3. Sesuai dengan pekeling perkhidmatan berkenaan, **baki cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan atas sebab kepentingan perkhidmatan boleh dipertimbangkan untuk dibawa ke tahun hadapan dan pengumpulan Gantian Cuti Rehat (GCR) kepada Wang Tunai.** Sehubungan itu, sukacita pihak YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Datin/Tuan/Puan dapat membuat hebahan kepada semua staf di Pusat Tanggungjawab masing-masing untuk mengambil tindakan dalam tempoh yang ditetapkan mulai **18 Disember 2017 hingga 31 Januari 2018. (Rujuk Lampiran).**



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Jabatan Pendaftar, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +603-8921 4888 Faks: +603- 8925 2882 E-mel: pdftr@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

4. Perlu diingatkan bahawa sekiranya tanggungjawab ini tidak dilaksanakan, ia boleh menyebabkan staf hilang kelayakan pengumpulan cuti yang sepatutnya dan tiada sebarang rayuan akan dipertimbangkan selepas tarikh berkenaan. Sebarang maklumat lanjut, YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi Puan Siti Nora Mhd. Isa di talian 03-8921 3327 / e-mel: sitinora@ukm.edu.my atau Cik Marsitah Mohd Razali di talian 03-8921 5401 / e-mel: shitah@ukm.edu.my.

Sekian, kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Prof. Ulung /Datuk/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai.

Terima kasih.

'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'


Salam hormat,



ABD RAZAK HUSSIN
Pengarah Eksekutif Pentadbiran

s.k - Naib Canselor

- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar dan Alumni)
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat)
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi)



MS ISO 9001: 2015

Reg No. : QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: +603-8921 4888 Faks: +603- 8925 2882 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my

Jadual Pelaksanaan e-Cuti 2018

JENIS PELAKSANAAN CUTI	DILAKSANAKAN OLEH:	TARIKH LAKSANA
Penjanaan kelayakan cuti bagi tahun 2018	Pusat Teknologi Maklumat (PTM) & Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar	20 - 21 November 2017 (Isnin & Selasa)
Permohonan Cuti Rehat bagi tahun 2018 dibuka	Semua Staf	22 November 2017 (Rabu)
Tarikh Akhir Permohonan dan Kelulusan Cuti Rehat Tahun 2017	Pengarah/Dekan/ Pengerusi Pusat/Ketua Jabatan/ Semua Staf	15 Disember 2017 (Jumaat)
Permohonan dan Pengesahan Bawa Baki dan Gantian Wang Tunai (GCR) Bagi Staf <u>TETAP DAN SEMENTARA</u> Secara Atas Talian Dibuka	Semua Staf	18 Disember 2017 (Isnin) hingga 31 Januari 2018 (Rabu)
Kemasukan Permohonan dan Pengesahan Bawa Baki Bagi Staf <u>KONTRAK DAN SAMBILAN</u> Secara Atas Talian Dibuka		
Penjanaan Baki Cuti Semasa iaitu Jumlah Bawa Baki Dari Tahun Lepas + Kelayakan Cuti Tahunan	Pusat Teknologi Maklumat (PTM) & Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar	1 Februari 2018 (Khamis)

NOTA :

Semua permohonan hendaklah dibuat secara atas talian serta menepati tarikh yang telah ditetapkan. Kegagalan staf melaksanakan tanggungjawab ini boleh mengakibatkan hilang kelayakan Bawa Baki Cuti Rehat dan Gantian Wang tunai (GCR) bagi tahun 2017.

Staf yang sedang dalam tempoh Cuti Sakit Tibi, Kusta dan Barah, Cuti Belajar, Cuti Tanpa Gaji (Biasa), Cuti Tanpa Gaji (Mengikut Pasangan) dan Cuti Separuh Gaji adalah TIDAK LAYAK memohon.

Disediakan oleh:

Bahagian Sumber Manusia
 Jabatan Pendaftar
 Universiti Kebangsaan Malaysia